

CNS7383

U GB 18-08 00144 BA825

bah

MALAYSIA PIJASHATI XERJASAMANYA DENGAN JEPUN DAN TAIWAN, KATA MAHATHIR  
Mahathir-pelaburan

KUALALUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia berpuas hati dengan kerjasama dari Jepun dan Taiwan dalam bidang ekonorni sungguhpun kadar pelaburan dari kedua-dua negara perindustrian itu telah menurun dengan banyaknya kebelakangan ini.

+Penurunan kadar pelaburan itu ialah kerana masalah ekonomi negara mereka dan tidak ada kaitan langsung dengan perhubungan kerjasama ekonomi antara kita dengan Jepun dan Taiwan, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua di sini.

Katannya penurunan kadar pelaburan dari Taiwan ke negara ini disebabkan tawaran pelaburan yang menarik di tanah besar China.

Beliau menolak anggapan bahawa penguasaha Taiwan tidak lagi berminat melabur di negara ini kerana dakwaan kononnya syarat-syarat pelaburan Malaysia sentiasa bertukar dan tidak konsisten. --Lagi

♥18/08/13-00MST

CNS7390

U GB 18-08 00122 BA826

bah

Mahathir-pelaburan 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata pendapat itu bukanlah pendapat umum tetapi oleh individu sahaja.

+Di Jepun juga ada pendapat yang sama tentang syarat-syarat pelaburan di Malaysia, tetapi itu adalah juga pendapat individu dan kita tidak bimbang dengan pendapat sedemikian, katanya.

Mengenai bantuan ke Bosnia-Herzegovina, Dr Mahathir berkata negara-negara Islam patut menghnlurkan bantuan kepada mereka yang memerlukannya.

+Malaysia membantu negara itu bukanlah kerana ia sebuah negara Islam tetapi atas tlasar perikemanusiaan, katanya.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, semasa ditanya tentang kongres dua hari itu, berkata bahawa ia sebagai titik permulaan kerjasama erat antara masyarakat perniagaan Cina Malaysia dengan r'akan-rakan perniagaan Melayu dan Bumiputera lain. --Lagi

♥18/08/13-05MST

CNS7392

U GB 18-08 00091 BA827

bah

Mahathir-pelaburan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Kerjasama yang terjalin itu akan mewujudkan satu masyarakat perniagaan Malaysia yang kukuh dan disegani, katanya.

Malaysia kini diakui oleh badan-badan dunia seperti Bank Dunia mempunyai ahli perniagaan yang mahir dan setanding dengan negara-negara maju, kata Ling, yang juga Menteri Pengangkutan.

+Apa yang penting kita (orang Cina dan Melayu) patut yakin atas keupayaan diri sendiri untuk menerokai perniagaan baru di luar negeri dan harapan kita untuk maju dalam bidang ini adalah amat cerah, katanya.

-- Bernama

♥18/08/13-05MST